# OSH in School

**Strategy 2 :**

Inculcating Preventive Workplace Culture

**Program 1 :**

Promote a Safety Culture

- Activity : Introduction of OSH in School. Integrate OSH into the appropriate modules or syllabus
- Deliverable: 4 School/year.

# Kandungan



# Objektif Program

1. Mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat kepada guru, kakitangan dan juga pelajar sepanjang berada di sekolah
2. Memupuk dan meningkatkan tahap kesedaran terhadap aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di sekolah
3. Menyediakan dan menggalakkan pelaksanaan penilaian risiko (*risk assessment*) serta penyediaan prosedur kerja selamat (*safe operating procedure*) bagi setiap aktiviti yang dijalankan di sekolah
4. Membantu dalam mengintegrasikan Budaya Kerja Selamat dan Sihat di dalam sistem pengurusan dan pembelajaran di sekolah serta meningkatkan standard KKP
5. Meningkatkan kualiti pembelajaran, pengajaran dan tahap tumpuan kepada pelajaran dan kerja di kalangan warga sekolah (guru, kakitangan dan pelajar)
6. Meningkatkan kefahaman mengenai tatacara dalam menghadapi isu keselamatan, kesihatan dan kecemasan

# Kes Kemalangan di Sekolah



## Eight-year-old crushed by goal post

### Boy who was playing football dies of head trauma

By YEE XIANG YUN
xiangyun@thestar.com.my

**BATU PAHAT:** An eight-year-old boy who was playing football died after he was crushed by a goal post in a field some 200m away from his house.

Ahmad Ilham Fikri Ahmad Zaki died of head trauma during the 6.30pm incident on Monday in Taman Sri Wangsa here. He also suffered excessive bleeding and a broken jaw.

Although the Year Two pupil of SK Bukit Soga was quickly rushed to Hospital Sultanah Nora Ismail by his father, Ahmad Zaki Mohd Abu Khairi, 35, the boy died.

His mother Norsukhaila Mohd Noh, 36, said she was shocked when her eldest son, who saw what happened, told her about it.

"I have always disallowed him to play at the field but somehow, that day, I let him go with his elder brother," she said at their home here yesterday.

She said she was preparing dinner when she was told of Ahmad Ilham Fikri's accident.

"I am heartbroken because I was just about to prepare fried squid. It was my son's favourite," said the mother of three.

Norsukhaila said Ahmad Ilham Fikri had been looking forward to a family trip to Sabah.

"We were supposed to follow my husband on a working trip.

"He was the most excited as it would have been his first time on an airplane," she said.

"He was even talking about buying souvenirs for his teachers."

Batu Pahat OCPD Asst Comm Din Ahmad confirmed the case.

Ahmad Ilham Fikri was laid to rest at the Kampung Parit Maimon Muslim cemetery at around 11.30am yesterday.



**Tragic loss:** The elder brother of Ahmad Ilham Fikri (inset) pointing at the goal post which crushed the eight-year-old at a field in Taman Sri Wangsa, Batu Pahat.

## Murid Tahun Lima maut kena hempap tiang gol

### Hajat peminat Liverpool miliki kasut bola tak kesampaian

Oleh Ahmad Isyafiq Mad Desa
bhnews@bharian.com.my

KLANG: Seorang murid Tahun Lima maut selepas mengalami kecederaan parah di kepalanya akibat dihempap tiang gol ketika bermain bola sepak di padang sebuah sekolah rendah berdekatan rumahnya, di Kuarters Guru Kampung Jawa, di sini, petang kelmarin

Muhammad Fakhrul Amin Abdul Rahman, 11, pelajar di Sekolah Kebangsaan (SK) ... terbaring dengan tidak sedarkan diri.



Muhammad Fakhrul Amin

"Melihat kecederaan yang parah, saya terus menghantarnya ke HTAR untuk menerima rawatan, namun arwah gagal diselamatkan," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Abdul Rahman berkata, dia difahamkan anaknya sering bermain di kawasan kuarters namun pada hari kejadian, mangsa yang meminati pasukan Liverpool bermain di padang berkenaan.

"Saya diberitahu rakan- ... sang kasut bola daripada ibunya, Faizah Ayob, 41, yang memintanya menunggu hingga akhir bulan ini.

Katanya, beliau terkilan kerana tidak dapat membelikan kasut berkenaan.

"Dia (arwah) memperoleh duit raya sebanyak RM120 tetapi kasut bola yang dia inginkan masih tidak mencukupi, menyebabkan Muhammad Fakhrul mahu menambah sedikit wang daripada ibunya, namun Tuhan lebih menyayanginya," katanya.

Sementara itu, Pengarah ...

## Murid Tahun 2 mati dihempap tiang gol

BATU PAHAT 9 APRIL - Seorang murid sekolah rendah maut akibat cedera parah di kepala selepas dihempap tiang gol ketika bermain di padang permainan di Taman Sri Wangsa, dekat sini kelmarin.

Dalam kejadian pukul 6.30 petang itu, mangsa, Ahmad Ilham Fikri Ahmad Zaki, 8, murid Tahun Dua di Sekolah Kebangsaan Bukit Soga mengalami pendarahan teruk selain patah tulang rahang.

Ibu mangsa, Norsukhaila Mohd. Noh, 36, berkata, dia mendapat tahu insiden malang menimpa anak kedua itu setelah dimaklumkan anak sulungnya yang turut menyaksikan kejadian itu.

Menurut Norsukhaila, dia sedang menyiapkan makan malam terkejut setelah dimaklumkan kejadian dan bergegas ke Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI), sebaik arwah dibawa oleh suaminya, Ahmad Zaki Mohd. Abu Khairi, 35, ke sana.

"Sebenarnya saya jarang benarkan dia keluar bermain di padang permainan itu, tetapi entah mengapa hari itu saya benarkan dia keluar bermain bersama abangnya, Ahmad Iqbal Fitri, 10.

"Saya amat sedih kerana hasrat arwah untuk menikmati sotong goreng tepung tidak kesampaian, walhal saya sedang menyiapkannya ketika kejadian," ujarnya sebak.

Tambahnya, mereka sekeluarga sepatutnya bertolak ke Sabah malam ini, mengikuti lawatan anjuran tempat kerja suaminya.

"Arwah orang paling gembira kerana pertama kali akan menaiki kapal terbang, malah dia sudah merancang untuk membelikan hadiah kepada guru-gurunya," katanya.

Jenazah mangsa dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Parit Maimon, kira-kira pukul 11.30 pagi semalam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Batu Pahat, Asisten Komisioner Din Ahmad mengesahkan kejadian berkenaan dan siasatan lanjut sedang dijalankan.

# Kes Kemalangan di Sekolah



Main ‹ Sebelum Selepas ›

## Maut ditimpa tiang gol

>"Beberapa hari lalu dia beritahu dapat nombor dua dalam peperiksaan tahunan," kata Shahizan Mohd Said, 29, mengenai anak saudaranya, Mohd Khairi Iskandar Onzek, 8, (gambar) yang meninggal dunia pagi semalam selepas cedera di kepalanya akibat ditimpa tiang gol di sekolahnya, Isnin lalu.

**Tiang gol ragut nyawa**

SUNDAY, 14 JULY 2013

## Boy killed by falling goalpost

KLANG: A 14-year-old boy died after a goalpost, which he was playing with, fell on his head.

SMK Raja Mahadi student Nguyen Chee Ming was playing with some friends in the school's field at 5.30pm on Friday.

It is learnt that Nguyen was playfully hanging on to the goalpost when it suddenly fell on him, killing him on the spot.

At noon yesterday, several teachers and family members were seen at Hospital Tengku Ampuan Rahimah, where the victim's body was sent for post mortem.

They declined to be interviewed.

A check at the school showed the goalpost had been brought to a corner of the field.

South Klang police chief Asst Comm Mohamed Mat Yusop, meanwhile, confirmed the incident.

# Kes Kemalangan di Sekolah (samb.)

## Gas bocor: Guru, murid sesak nafas

KOSMO 20/5/09 8

SHAH ALAM – Seramai 20 murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Ladang Emrald, Bukit Kemuning di sini pengsan akibat sesak nafas ekoran Stesen Pengagihan Gas yang terletak kira-kira 500 meter dari sekolah itu bocor semalam.

Dalam kejadian pada pukul 11 pagi, murid yang pengsan dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang dan Poliklinik Komuniti Shah Alam.

Selain murid yang pengsan, 50 lagi murid sekolah itu bersama tiga guru turut dihantar mendapat rawatan di hospital selepas mereka mengadu sesak nafas teruk, pening, muntah dan sakit tekak.

Bagaimanapun, kesemua murid dan guru itu telah dibenarkan pulang selepas diberi rawatan.

Guru Besar sekolah tersebut, K. Chethraselvan berkata, semasa kejadian beliau tidak ada di sekolah kerana berkursus di Shah Alam.

"Saya yang pergi ke HTAR dan Poliklinik Komuniti terkejut melihat ramai murid sedang dirawat," kata beliau ketika ditemui di sini semalam.

Menurut beliau, kejadian tersebut merupakan kes pertama berlaku sejak sekolah itu dibuka dua tahun lalu.

Tambahnya, sekolah tersebut dibuka seperti biasa hari ini.

Sementara itu, seorang murid tahun dua, T. Hemalatha berkata, dia tiba-tiba rasa pening, sakit tekak dan muntah sebelum pengsan di dalam kelas setelah terhidu bau gas yang terlalu busuk.

"Sedar-sedar saya berada di hospital dan keadaan saya baik," kata Hemalatha.

Seorang lagi mangsa, S. Gunalan berkata, keadaan sekolahnya kelam kabut apabila secara tiba-tiba ramai pelajar menjerit dan muntah-muntah.

"Selepas itu saya sendiri pening dan loya," katanya.

Pengarah Bomba dan Penyelamat Selangor, Saimon Jahid berkata, kebocoran gas jenis *ethyl* mercaptan berpunca daripada kerja-kerja penyelenggaraan yang dilakukan oleh kontraktor di stesen tersebut.

Menurut beliau, gas tersebut digunakan untuk menguji kebocoran saluran gas di stesen tersebut yang membekalkan bekalan gas kepada industri di sekitar Shah Alam.

"Semasa gas itu bocor, angin bertiup ke arah sekolah terbabit mengakibatkan murid dan kakitangan sekolah mengadu sesak nafas dan mengalami masalah kesihatan," kata beliau.



**ANGGOTA bomba melakukan pembersihan dan membaiki sistem saluran paip gas yang bocor di Bukit Kemuning, Shah Alam semalam.**

ARKIB : 18/04/2013

## 19 pelajar, dua guru terhidu gas beracun




Ahli bomba sedang memindahkan sisa bahan kimia yang meletup di SMK Datuk Lokman, Kampung Pandan c Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 17 April - Seramai 19 pelajar dan dua guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Lokman, Jalan Kampung Pandan di sini, dikejarkan ke Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Ampang kerana terhidu gas beracun.

Kejadian kira-kira pukul 11.30 pagi itu berpunca akibat letupan satu daripada lapa tong bahan kimia semasa dibawa keluar dari makmal sekolah itu ke dalam sebuah lori syarikat kontraktor untuk dilupuskan.

# Kes Kemalangan di Sekolah (samb.)



## Pelajar cedera parah di mata akibat letupan

Oleh
AMIRUDDIN HARUN

MELAKA 19 Okt. – Biji botol minuman yang dipercayai mengandungi bahan letupan meletup di sebuah sekolah di sini semalam mengakibatkan seorang pelajar perempuan mengalami kecederaan parah di mata sebelah kirinya.

M. Kala, 13, pelajar tingkatan peralihan Sekolah Menengah Tun Haji Abdul Malek, Cheng, di sini dijangka mengalami kecacatan pada bahagian mata itu setelah kornea kiri rosak teruk akibat terkena letupan tersebut.

Timbalan Ketua Polis Negeri, Senior Asisten Komisioner II Ahmad Lihat berkata, kejadian itu berlaku kira-kira pukul 7 pagi semasa Kala bersama seorang rakannya, S.

minuman plastik, dipercayai mengandungi bahan letupan yang diletakkan di atas sebuah meja.

Difahamkan botol plastik itu diisi dengan bahan kandungan yang terdapat pada alat pemadam api.

Ekoran letupan tersebut, katanya, Kala mengalami kecederaan teruk di bahagian mata dan melecur muka manakala Thilaga juga mengalami kecederaan di bahagian matanya.

"Polis sedang menyiasat kes ini untuk mengenal pasti motif di sebalik letupan tersebut," katanya ketika ditemui di pejabatnya hari ini.

Menurutnya, polis mengklasifikasikan kes tersebut di bawah Seksyen 4 Akta Bahan-bahan Hakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958.

Ahmad memberitahu, contoh bahan letupan ter-

menerima rawatan di wad Hospital Melaka manakala Thilaga telah dibenarkan pulang ke rumah," katanya.

Sementara itu, bapa Kala, S. Mohan, 37, ketika ditemui di Hospital Melaka memberitahu, laporan awal doktor menyatakan mata sebelah kiri anaknya itu sukar dipulihkan sepenuhnya.

"Ini kerana kornea mata sebelah kirinya rosak teruk akibat terkena letupan tersebut," kata bapa kepada sembilan orang anak yang bekerja sebagai pemandu bas ekspres.

Menurutnya, dia diberitahu, sekiranya mata sebelah kiri anaknya itu dapat dipulihkan, ia tidak akan pulih sepenuhnya.

Beliau yang tinggal di Taman Sri Krubong berkata, mata sebelah kanan anaknya turut terkena le-

S. MOHAN melihat keadaan mata kiri anaknya M. Kala yang cedera parah akibat letupan yang berlaku di Sekolah Menengah Tun Haji Abdul Malek, Cheng, Melaka semalam.



## 19 pelajar cedera paip gas makmal sekolah meletup

IPOH 1 Julai – Sebanyak 19 pelajar Sekolah Menengah Gunung Rapat dekat sini, cedera selepas satu paip gas di makmal sains sekolah itu meletup, hari ini.

Dua daripada mereka dirujuk kepada pakar mata Hospital Ipoh dipercayai terkena serpihan letupan berkenaan manakala yang lainnya mengalami pedih mata dan hidung serta gatal tekak di samping terkejut dengan kejadian berkenaan.

Bagaimanapun, semua mereka dibenarkan pulang ke rumah masing-masing tidak lama kemudian selepas menjalani pemeriksaan.

Pengarah Pelajaran Perak, Datuk Adnan Ibrahim ketika ditemui pemberita di sekolah itu petang ini berkata, letupan berlaku pada pukul 11.35 pagi ketika 44 orang pelajar Tingkatan 1 sedang menjalankan satu uji kaji menggunakan penunu bunsen di makmal berkenaan.

Katanya, kejadian itu berpunca daripada kebocoran paip yang menyalurkan gas di salah sebuah meja makmal yang ketika itu dikelilingi tujuh pelajar.

Jelasnya, ketika kejadian, pelajar terbabit sedang mengikuti subjek sains dan diawasi oleh seorang guru sains, Khairol Azmi Ariffin.

"Letupan berlaku di bahagian bawah meja makmal tidak lama selepas penunu bunsen dinyalakan dan letupan itu menyebabkan meja yang diperbuat daripada kayu pecah dan roboh," katanya yang melakukan lawatan ke makmal sekolah itu.

Adnan berkata, letupan itu tiada kaitan dengan bahan kimia yang sedang digunakan semasa waktu kejadian tetapi diseb[illegible] kan kebocoran paip gas [illegible] bawah meja makmal yang di[illegible] pati telah berkarat.

Katanya, pihak bomba y[illegible] dipanggil ke tempat kejad[illegible] mengesahkan paip gas ber[illegible] naan telah bocor akibat di[illegible] kan usia.

"Paip gas ini pecah dan m[illegible] tup tanpa mengeluarkan se[illegible] rang api dan letupan ini a[illegible] kuat sehingga dapat dideng[illegible] oleh penghuni di bangunan [illegible] sebelahan makmal," jelas [illegible] nan.



## Pupils, staff sick after inhaling gas



TRAUMATISED: Some of the pupils who inhaled ammonia gas being given treatment at the Government health clinic in Gua Cempedak yesterday.

# Kes Kemalangan di Sekolah (samb.)

Kosmo 14/1/09 14.

## Bumbung kantin sekolah roboh

KUANTAN – "Mujurlah kami tiada di situ."

Demikian luahan seorang murid Tahun Empat, Zulfadli Shafli Adi apabila mendapati bumbung kantin Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (C) Taman Tas di Jalan Gambang di sini roboh kelmarin.

"Saya terkejut apabila melihat bumbung kantin sudah roboh semasa tiba di sekolah pagi semalam," katanya ketika ditemui semalam.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati, kejadian itu menyebabkan kira-kira 500 murid sekolah berkenaan terpaksa makan dan minum di bilik darjah pada waktu rehat.

Difahamkan, kejadian itu berlaku kira-kira pukul 3 pagi menyebabkan hampir semua kerusi dan meja makan di situ musnah ditimpa bumbung itu. Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

Seorang lagi murid Tahun Empat, Aidil Anuar, 10, berkata, dia bersyukur kerana terselamat dari ditimpa bumbung dalam kejadian itu kerana sebelum ini kantin berkenaan merupakan tempat dia dan rakan-rakan menikmati makanan pada setiap waktu rehat.

"Biasanya di kantin inilah saya makan dan bermain dengan kawan tapi semalam ia telah roboh.

"Nasib baik ia berlaku pada waktu cuti, jika tidak mungkin ada murid sekolah ini yang tercedera," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pelajaran Pahang, Datuk Abdul Aziz Abdul Latiff ketika dihubungi mengesahkan kejadian tersebut.

"Difahamkan sekolah terbabit dibina oleh badan pengelola dan ia bukan di bawah Jabatan Pelajaran Negeri.

"Berdasarkan laporan diterima, kantin itu dipercayai roboh kerana kerangka kayu pada bumbungnya tak dapat tampung berat atap genting itu," katanya.

Tambahnya, jabatannya telah bermesyuarat dengan pihak sekolah dan badan lembaga pengelola terlibat sebelum memutuskan untuk menyediakan kanopi buat sementara waktu bagi memudahkan murid makan pada waktu rehat.



BEGINILAH keadaan kantin SRJK (C) Taman Tas, Kuantan yang runtuh awal pagi semalam.

Metro Ahad

17/5/09 24



ROSAK... treler yang terbabas melanggar makmal sekolah, kelmarin.

## Treler rempuh makmal sekolah

PORT DICKSON: Sebuah treler dipandu seorang lelaki terbabas sebelum melanggar makmal bahasa Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah Site C, di sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 1.40 tengah hari, pemandu treler berusia 23 tahun terbabit gagal mengawal kenderaannya lalu terbabas dan melanggar tembok serta dinding makmal sekolah.

Ketua Polis Daerah Port Dickson, Superintendan Mazlan Othman, berkata ketika kejadian, tiada pelajar di dalam makmal berkenaan dan kejadian itu tidak menyebabkan kecederaan.

"Siasatan awal polis mendapati treler itu terbabas sebaik tiba di tempat kejadian lalu melanggar pagar sekolah dan makmal hingga mengalami keretakan.

"Pemandu treler itu bagaimanapun tidak cedera," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, lelaki terbabit kemudian membuat laporan sejurus selepas kejadian dan polis merekod keterangannya bagi membantu siasatan.

Menurutnya, treler itu dikatakan dari arah Port Dickson menuju ke Sepang dan kenderaan itu berdaftar di Sepang, Selangor.

"Lelaki terbabit dibebaskan dengan jaminan selepas polis merakam percakapannya bagi membantu siasatan.

"Polis masih menjalankan siasatan bagi mengetahui punca sebenar kejadian itu dan siasatan akan dilakukan daripada segenap aspek," katanya.

Mereka yang ada maklumat boleh menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah Port Dickson di talian 06-6472222 atau balai polis berhampiran.



MOHAMMADDAN Ismail menunjukkan kesan kecederaan pada pangkal leher anaknya, Muhammad Hakim yang ditimpa kipas di SK Batu Maung dekat Bayan Lepas, Pulau Pinang, semalam.

## Murid cedera ditimpa kipas

# Kes Kemalangan di Sekolah



## Kemudahan sekolah perlu diselenggara

### Elak ancam nyawa pelajar

**Oleh Lum Chee Hong**
*lumch@bharian.com.my*

KUALA LUMPUR: Jabatan Kerja Raya (JKR) dicadang melakukan penyelenggaraan terhadap semua kemudahan di sekolah seluruh negara bagi memastikan keselamatan pelajar terjamin.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye, berkata penyelenggaraan itu amat penting membabitkan kemudahan seperti padang permainan, kantin dan bilik kakitangan sekolah.

"Kemudahan di sekolah harus diselenggara dengan baik. Misalnya, kipas yang sudah usang mungkin boleh tercabut, sekali gus membahayakan keselamatan pelajar.

"Selain itu, saya juga ingin menasihati pihak sekolah supaya segera memaklumkan kepada JKR sekiranya mendapati ada kemudahan yang sudah berada dalam keadaan boleh membahayakan keselamatan pelajar," katanya ketika dihubungi *Berita Harian* di sini, semalam.

Beliau mengulas kejadian seorang murid Tahun Lima maut selepas mengalami kecederaan parah di kepalanya akibat dihempap tiang gol ketika bermain bola sepak di padang Sekolah Kebangsaan Kampung Jawa 1 berdekatan rumahnya di Kuarters Guru Kampung Jawa, Klang, Sabtu lalu.

> *Saya ingin menasihati pihak sekolah supaya segera memaklumkan kepada JKR sekiranya terdapat kemudahan yang sudah berada dalam keadaan boleh membahayakan keselamatan pelajar*
>
> **Lee Lam Thye**
> *Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara*

Muhammad Fakhrul Amin Abdul Rahman, 11, meninggal dunia ketika menerima rawatan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) malam Sabtu lalu, selepas mengalami pendarahan teruk dan retak tempurung kepala apabila tiang gol itu yang sudah berkarat dengan sebahagian besi penyokong sudah tertanggal, tiba-tiba menghempapnya.

## Kaji segala risiko sebelum laksana kegiatan murid

SEKALI lagi negara digemparkan dengan tragedi jambatan gantung runtuh di Kuala Dipang, Perak membabitkan murid sekolah rendah yang mengikuti perkhemahan di Pusat Kokurikulum Daerah Kampar. Walaupun ramai terselamat, pelbagai perkara boleh dijadikan iktibar. Pentingnya ialah mengkaji di mana silap sehingga berlaku kejadian seumpama ini.

Usaha supaya kejadian seperti ini tidak berulang mesti ...

... laku, tahap kenakalan, keupayaan fizikal dan aspek berkaitan diri murid mesti diberi penekanan oleh sekolah sebelum mereka dibawa mengikuti aktiviti luar bilik darjah bergantung pada lokasinya. Murid sekolah rendah lebih bersifat santai dan ke arah mencari keseronokan berbanding pelajar sekolah menengah.

● Kedua, tragedi di Kuala Dipang perlu disandarkan kepada pengendali pusat kokurikulum berkenaan.





## Murid dikhuatiri lemas tergelincir dalam longkang depan sekolah

KUALA LUMPUR 16 April - Seorang murid tahun lima Sekolah Kebangsaan Ampang dekat sini dikhuatiri lemas selepas tergelincir ke dalam longkang besar di hadapan sekolah itu hari ini.

Dalam kejadian kira-kira pukul 4 petang itu, mangsa, Khairul Azrin Abdul Razak, 11, yang sedang bermain sepak takraw dikatakan pergi ke longkang besar itu untuk mengambil bola yang terjatuh bersama seorang rakannya, Mohd. Muqryz Mifzal, 10, sebelum dia tergelincir.

Menurut Mohd. Muqryz, selepas Khairul Azrin tergelincir, dia cuba menarik tangan rakannya itu namun terlepas selepas arus deras datang secara tiba-tiba.

"Saya lihat Khairul Azrin hanyut dan terus hilang. Kemudian saya berlari memberitahu guru yang bertugas," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Sementara itu, ibu mangsa, Norliza Zaabah, 40-an ketika ditemui memberitahu, dia tidak menyangka kejadian itu menimpa anak bongsunya.

"Saya datang ke sekolah untuk menjemput Khairul Azrin pulang pada pukul 1 petang tetapi dia memberitahu ada aktiviti kokurikulum.

"Apabila tiba pukul 4 petang, saya lihat orang ramai berkumpul kerana ada seorang budak lelaki terjatuh dalam longkang. Saya terkejut apabila diberitahu mangsa adalah anak saya," katanya.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Khairuldin Saad pula berkata, pihaknya mendapat maklumat kira-kira pukul 4.24 petang dan tiba di tempat kejadian 10 minit kemudian untuk menjalankan kerja-kerja mencari dan menyelamat dengan bantuan pihak bomba.

"Kami turut menggunakan khidmat pasukan penyelam untuk mencari mangsa yang dikhuatiri hanyut ke Sungai Ampang dan seterusnya ke Sungai Klang.

"Operasi ini agak sukar memandangkan keadaan air sungai keruh namun akan diteruskan sehingga mangsa ditemui," ujarnya.

Sehingga pukul 8 malam ini, mangsa belum dijumpai.



**MOHD. Muqryz Mifzal menunjukkan tempat kejadian Khairul Azrin Abdul Razak yang dikhuatiri lemas selepas tergelincir ke dalam longkang besar di Kuala Lumpur, semalam.**

# Kes Kemalangan di Sekolah

## Semua sekolah diarah tingkatkan keselamatan

Utusan 23/04/14

KUALA LUMPUR 22 April - Kementerian Pendidikan akan mengarahkan semua sekolah di seluruh negara memantapkan jawatankuasa keselamatan masing-masing sebagai langkah proaktif mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku ke atas murid mereka.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, pihak sekolah dipertanggungjawabkan untuk memastikan jawatankuasa keselamatan melakukan pemantauan berkala terhadap pelajar serta melaporkan tahap keselamatan infrastruktur sekeliling bangunan sekolah.

"Kementerian telah memberi peringatan kepada semua sekolah untuk lebih berhati-hati terutama dalam isu keselamatan murid. Sekolah perlu peka dengan keadaan murid pada setiap masa,

"Kementerian juga akan mempertingkat kerjasama dengan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH) melalui Program Keselamatan di Sekolah dalam membendung risiko-risiko berkaitan keselamatan murid," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau mengulas beberapa kemalangan melibatkan murid di pekarangan sekolah dengan yang terbaharu melibatkan seorang murid tahun empat tertusuk sebatang besi sepanjang satu meter ke dalam mulut lalu menembusi pipinya di Kota Kinabalu, Sabah semalam.

Sebelum itu, seorang murid tahun lima Sekolah Kebangsaan Kampung Jawa (2) di Klang, Selangor lebam di mata dan luka di muka selepas terjatuh ke longkang sedalam kira-kira 0.3 meter yang tidak bertutup di sekolah berkenaan.

## School safety to be made KPI for principals

(Star 16/4/14)

**PUTRAJAYA:** School safety will be made a key performance indicator for school heads to reduce the number of break-ins and accidents in schools, said Second Education Minister Datuk Seri Idris Jusoh.

He said it was the responsibility of school heads to ensure that security guards stationed in schools carried out their duties.

"When it comes to safety in schools, break-ins are not the only concern. There are cases of students getting injured from damaged facilities in the school," Idris said after launching the Occupational Safety and Health programme yesterday.

On the controversy surrounding the closure of Albukhary International University, Idris said the welfare of the students should be given top priority.

"The university is entitled to close but they have to take care of the welfare of the students so their studies will not be disrupted," said Idris.

He said the ministry had given the assurance that the welfare of the students would be looked after and it was in the midst of investigating the closure of the university.

Six of its students filed a suit against the institution for allegedly failing to give a notice of closure as required by the Private Institutions of Higher Learning Act.

# Kandungan



# Impak Perlaksanaan OSH in School

1. Mewujudkan nilai-nilai dan kesedaran KKP semasa persekolahan sebelum ke peringkat IPT dan berkerjaya.

2. Dapat kenalpasti risiko dan hazard di sekolah.

3. Dapat membangunkan pengurusan KKP di sekolah.




4. Dapat mengelakkan kemalangan dari berlaku di sekolah.

5. Dapat mewujudkan kerja sama antara pengurusan sekolah dan pekerja.

6. Dapat mewujudkan persekitaran sekolah dalam keadaan selamat kepada guru, pekerja, dan murid-murid.

7. Asas kepada permohonan untuk mendapatkan bajet penyelenggaraan dan baikpulih aset-aset dan kemudahan infrastruktur di sekolah.

8. Dapat mewujudkan program dan aktiviti keselamatan.

# Kandungan



# Status Perlaksanaan Program

## Tahun 2011

| Bil. | Negeri | Sekolah | Tarikh | Peserta |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Perlis | SMK Putra, Kangar | 16 Julai 2011 | 377 |
| 2 | Sarawak | SMK Santubong | 21 Julai 2011 | 756 |
| 3 | Sabah | SMK Likas, Kota Kinabalu | 23 Julai 2011 | 600 |
| 4 | Pahang | SMK Muadzam Jaya, Muadzam Shah | 21 September 2011 | 500 |










# Status Perlaksanaan Program

## Tahun 2012

| Bil. | Negeri | Sekolah | Tarikh | Peserta |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Terengganu | SM Teknik Tenrengganu, Kuala Terengganu | 8 Julai 2012 | 1300 |
| 2 | Melaka | SM Vokasional Melaka Tengah, Bukit Katil | 12 Julai 2012 | 450 |
| 3 | W.P Kuala Lumpur | SMK Padang Tembak, Jalan Semarak | 19 Julai 2012 | 560 |









# Status Perlaksanaan Program

## Tahun 2013

| Bil. | Negeri | Sekolah | Tarikh | Peserta |
|---|---|---|---|---|
| 1 | N.Sembilan | SM Sains Tuanku Munawir, Seremban | 26 Jun 2013 | 300 |
| 2 | Kelantan | Kolej Vokasional Pengkalan Chepa | 4 Julai 2013 | 350 |
| 3 | Pulau Pinang | SMK Guar Perahu Indah, Bukit Mertajam | 6 Julai 2013 | 500 |
| 4 | Selangor | SM Teknik Sepang | 4 September 2013 | 350 |







# Status Perlaksanaan Program

## Tahun 2014

| Bil. | Negeri | Sekolah | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1 | Pahang | SMK Tengku Ampuan Afzan, Chenor | 15 Mei 2014 |
| 2 | Johor | SMK Tasek Utara, Johor Bahru | 19 Jun 2014 |
| 3 | Perak | TBA | 23 Ogos 2014 |








# TERIMA KASIH…

Bahrudin Bin Mamat
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Johor
Tingkat 9, Menara TJB, Jalan Dato' Mohd Mufti,
80534 Johor Bahru, Johor
☏ 07-221 4121 / 224 2122 / 224 3076/ 224 3076
🖷 07-224 2667 (Tingkat 9) / 07-224 9037 (Tingkat 7)
baharuddin_ma@mohr.gov.my